

# USIM, JLKN meterai perjanjian laksana BSKN di IPT awam

Oleh SYED AHMAD  
ZULKARNAIN SYED ALI  
zulkarnain.ali@kosmo.com.my

**NILAI** - Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) menjadi institusi pengajian tinggi (IPT) awam pertama melaksanakan Briged Sukarelawan Khidmat Negara (BSKN) apabila menjalinkan kerjasama dengan Kementerian Pertahanan melalui Jabatan Latihan Khidmat Negara (JLKN).

Melalui perjanjian itu, BSKN akan dijadikan subjek kokurikulum berkredit pertama di USIM sekali gus menyumbang kepada hubungan berterusan bekas pelatih Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) yang melanjutkan pelajaran ke IPT tempatan.

Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Abdul Rahim Bakri berkata, ia ada-



**ASMA (kiri) bertukar dokumen perjanjian dengan Abdul Hadi sambil disaksikan Abdul Rahim (tengah) pada Majlis Pelancaran dan Memorandum Perjanjian Briged Sukarelawan Khidmat Negara di Nilai, Negeri Sembilan semalam.**

lah sebahagian daripada agenda di bawah Strategi Lautan Biru Nasional yang menyaksikan jalinan kerja antara jabatan di-

perkuatkan.

"Kita dimaklumkan kursus ini telah bermula pada semester pertama sesi 2013/2014 yang ditawar-

kan hanya kepada bekas pelatih PLKN.

"Kuliah bagi setiap semester mengambil masa 14 minggu pengajaran dan pembelajaran mengikut jadual pengajian universiti," katanya pada majlis menandatangani memorandum perjanjian antara JLKN dan USIM di sini semalam.

Turut hadir, Naib Canselor USIM, Profesor Datuk Dr. Asma Ismail dan Ketua Pengarah JLKN, Datuk Abdul Hadi Awang Kechil.

Kata Abdul Rahim, antara objektif BSKN diperkenalkan di IPT ialah untuk melahirkan sukarelawan yang bertanggungjawab kepada diri, keluarga dan masyarakat serta cinta negara.

Buat masa ini, seramai 30 orang sedang mengikuti kursus BSKN di USIM.